

24 JUL 1999

BPR-Perwaja

SIASATAN BPR TERHADAP PERWAJA HAMPIR SELESAI

ALOR SETAR, 24 Julai (Bernama) -- Badan Pencegah Rasuah mengambil masa agak lama untuk menyiapkan siasatan berhubung kerugian Perwaja Steel Sdn Bhd kerana ia sukar mendapat kerjasama dari pihak di luar negara, kata Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) BPR Datuk Ahmad Said Hamdan di sini hari ini.

Sambil menafikan dakwaan kononnya kelelwatan itu kerana wujud unsur halangan daripada pihak tertentu dalam siasatan, beliau berkata pihak yang disiasat di luar negara enggan bertemu dengan pegawai BPR dan juga enggan memberi keterangan di mahkamah.

Bercakap kepada pemberita di sini, beliau mengakui siasatan itu telah mengambil masa agak lama tetapi menjelaskan bahawa agensi berkaitan di luar negara juga enggan membantu pegawai BPR menyoal siasat pihak berkenaan.

Keengganan itu tidak menghalang BPR menyiapkan siasatan kerana ia boleh mendapatkan dari sumber lain, katanya.

"Bagaimapun kita telah hampir menyiapkan siasatan terhadap Perwaja," katanya selepas majlis perasmian Program Gerak Mesra Bersama BPR.

Majlis itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Syed Razak Syed Zain yang mewakili Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Ahmad Said juga berkata selain BPR, pihak polis juga menjalankan siasatan dengan tumpuan terhadap penipuan dalam kilang besi yang beroperasi di Kemaman, Terengganu itu.

"Siasatan BPR hanya sedikit, sedangkan bahagian yang besar yang melibatkan kerugian yang banyak dilakukan oleh polis," katanya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri anwar Ibrahim baru-baru ini membuat laporan polis mendakwa Perwaja menanggung kerugian sebanyak RM2,985 juta dan mengaitkan nama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam laporan itu.

Ahmad Said yang ditanya mengenai laporan polis juga oleh Anwar terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berhubung pembahagian saham kepada menantunya, berkata kes itu dalam siasatan polis.

"Sama ada BPR akan diminta campur tangan akan bergantung kepada permintaan pejabat Peguam Negara," katanya.

-- BERNAMA

MZM MAI